



**KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN AWAM
DIRECTOR-GENERAL OF PUBLIC SERVICE**

Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia
Public Service Department, Malaysia
Aras 13, Blok C1, Kompleks C
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62510 W.P. PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel: 603-88853001
Faks (Fax): 603-88892187
Laman Web (Web): www.jpa.gov.my

JPA.BK(S)173/18 Jld. 24(38)

28 November 2018

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan

YBhg. Tan Sri/Datuk Seri/Dato' Seri/Dato' Sri/Datuk/Dato',

**PELANJUTAN KONTRAK PEGAWAI WARGANEGARA YANG
DILANTIK SECARA CONTRACT OF SERVICE (COS)**

Saya dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

- Untuk makluman YBhg. Tan Sri/Datuk Seri/Dato' Seri/Dato' Sri/Datuk/ Dato', urusan pelanjutan kontrak untuk pegawai **contract of service** dan **pesara tentera** yang berpencen (yang dilantik secara kontrak ke dalam perkhidmatan awam selepas tamat tempoh perkhidmatan dalam Angkatan Tentera Malaysia), adalah tertakluk kepada **kedudukan belanjawan** dan **keperluan perkhidmatan** di Kementerian dan Jabatan masing-masing.
- Permohonan untuk pelanjutan kontrak hendaklah dihantar terus kepada Bahagian Pembangunan Organisasi, Jabatan Perkhidmatan Awam untuk tindakan selanjutnya. Pegawai-pegawai yang akan disambung perkhidmatan kontrak hendaklah mencapai prestasi yang baik dan diperakukan oleh Ketua Jabatan.
- Seperti tahun-tahun sebelumnya, urusan pelanjutan kontrak ini tidak melibatkan pegawai kontrak bukan warganegara dan pegawai kontrak dalam kalangan pesara (yang dilantik secara kontrak selepas persaraan wajib atau persaraan pilihan), melainkan perkhidmatan pegawai amat diperlukan dan mencapai prestasi yang ditetapkan.

5. Dari segi pelaksanaan prosedur, pelanjutan tempoh perkhidmatan kontrak adalah berdasarkan **Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 2008** atau peraturan yang dikeluarkan dari semasa ke semasa.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(DATUK SERI BORHAN BIN DOLAH)

s.k.:

Semua Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan
Semua YB. Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Berkanun Persekutuan
Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Berkanun Negeri
Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Tempatan